



10 Ogos 2012  
10 August 2012  
P.U. (A) 251

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT*

*GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (MENGADAKAN  
PEPERIKSAAN BAGI PENDAFTARAN  
SEMENTARA) 2012

*MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION FOR  
PROVISIONAL REGISTRATION) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (MENGADAKAN PEPERIKSAAN BAGI  
PENDAFTARAN SEMENTARA) 2012

---

SUSUNAN PERATURAN- PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Permohonan untuk menduduki peperiksaan
5. Calon tertakluk kepada peraturan badan pemeriksa
6. Menarik diri daripada peperiksaan
7. Penyampaian keputusan
8. Pengeluaran perakuan
9. Pembatalan

JADUAL

AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (MENGADAKAN PEPERIKSAAN BAGI  
PENDAFTARAN SEMENTARA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Perubatan 1971 [Akta 50], Majlis Perubatan Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perubatan (Mengadakan Peperiksaan Bagi Pendaftaran Sementara) 2012**.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang memegang kelulusan yang disebut dalam subperenggan 12(1)(a)(ii) Akta.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“badan pemeriksa” ertinya suatu badan yang diluluskan oleh Menteri di bawah perenggan 12(1)(aa) Akta dari mana-mana institusi pelajaran tinggi;

“institusi pelajaran tinggi” ertinya mana-mana fakulti atau sekolah perubatan mana-mana institusi pelajaran tinggi di Malaysia yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta;

“peperiksaan” ertinya mana-mana peperiksaan tahun akhir yang diadakan oleh mana-mana badan pemeriksa.

**Permohonan untuk menduduki peperiksaan**

4. (1) Suatu permohonan bagi menduduki peperiksaan yang diadakan oleh suatu badan pemeriksa hendaklah dikemukakan kepada Majlis dalam dua salinan Borang 1 Jadual berserta fi sebanyak dua ratus ringgit.

(2) Majlis hendaklah membuat suatu keputusan tentang kelayakan mana-mana calon untuk menduduki peperiksaan itu.

(3) Jika Majlis memutuskan yang calon itu layak untuk menduduki peperiksaan itu, calon itu hendaklah dirujuk kepada badan pemeriksa pilihan calon itu.

**Calon tertakluk kepada peraturan badan pemeriksa**

5. Setiap calon adalah tertakluk kepada apa-apa peraturan badan pemeriksa yang mengadakan peperiksaan itu termasuk kriteria menduduki semula mana-mana peperiksaan dan pengenaan apa-apa fi.

**Menarik diri daripada peperiksaan**

6. Jika seseorang calon menarik diri daripada menduduki peperiksaan atau tidak hadir peperiksaan, fi yang telah dibayar di bawah peraturan 4 tidak boleh dikembalikan melainkan jika penarikan diri atau ketidakhadiran itu disebabkan masalah kesihatan atau alasan lain yang boleh diterima oleh Majlis.

**Penyampaian keputusan**

7. Majlis hendaklah mengendors keputusan akhir peperiksaan dan hendaklah menyampaikan keputusan peperiksaan itu kepada setiap calon setakat yang berkaitan dengannya.


**Pengeluaran perakuan**

8. Majlis hendaklah mengeluarkan perakuan dalam Borang 2 Jadual kepada calon yang telah lulus peperiksaan.

**Pembatalan**

9. Peraturan-Peraturan Perubatan (Mengadakan Peperiksaan Bagi Pendaftaran Sementara) 1993 [*P.U.(A) 426/1993*] adalah dibatalkan.

JADUAL  
**BORANG 1**



AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN (MENGADAKAN PEPERIKSAAN BAGI  
PENDAFTARAN SEMENTARA) 2012

[Subperaturan 4(1)]

PERMOHONAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN DI BAWAH PERENGGAN  
12(1)(aa) AKTA PERUBATAN 1971

Kepada:

.....  
.....  
.....

Saya memohon untuk menduduki peperiksaan di bawah perenggan 12(1)(aa) Akta Perubatan 1971[Akta 50].

2. Butir-butir peribadi saya adalah seperti yang berikut:

(a) Nama.....

(b) No. Kad Pengenalan.....

(c) Taraf Kewarganegaraan.....

(d) Alamat.....  
.....

(e) (i) Kelulusan profesional (*Sila lampirkan salinan kelulusan yang diperakui sah*)  
.....

(ii) Institusi atau badan yang memberi kelulusan.....  
.....

(iii) Tarikh mendapat kelulusan.....  
.....

3. Maklumat badan pemeriksa pilihan saya adalah seperti yang berikut:

(a) Nama institusi.....

(b) Alamat.....  
.....

4. Dikemukakan cek/kiriman wang/wang pos\* bagi amaun sebanyak RM200.00 sebagai pembayaran fi permohonan.

5. Saya mengesahkan bahawa maklumat yang terkandung dalam borang permohonan ini adalah tepat dan benar dan bahawa dokumen yang dikemukakan adalah salinan dokumen asal yang berkaitan dengan saya.

Tarikh .....

.....  
*Tandatangan pemohon*

---

\* Potong yang mana tidak berkenaan

**BORANG 2**

**AKTA PERUBATAN 1971**

**PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN(MENGADAKAN PEPERIKSAAN BAGI  
PENDAFTARAN SEMENTARA) 2012**

(Peraturan 8)

**PERAKUAN**

DENGAN INI DIPERAKUI bahawa.....  
No. Kad Pengenalan.....yang  
beralamat di.....yang  
mempunyai kelulusan.....telah  
lulus peperiksaan di bawah perenggan 12(1)(aa) Akta Perubatan 1971[Akta 50]  
pada.....

Tarikh: .....

*Pendaftar,  
Majlis Perubatan Malaysia*

Dibuat 31 Julai 2012  
[KKR-654 (253) Jld. 7;PN(PU2)97/VII]

**DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN**  
*Yang Dipertua,  
Majlis Perubatan Malaysia*

Diluluskan 1 Ogos 2012

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI**  
*Menteri Kesihatan*

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION  
FOR PROVISIONAL REGISTRATION) REGULATIONS 2012

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation
2. Application
3. Interpretation
4. Application to sit for examination
5. Candidate subject to rules of examining body
6. Withdrawal from examination
7. Communication of result
8. Issue of certificate
9. Revocation

SCHEDULE

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION FOR PROVISIONAL REGISTRATION)  
REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 36 of the Medical Act 1971 [*Act 50*], the Malaysian Medical Council, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Medical (Setting of Examination for Provisional Registration) Regulations 2012**.

**Application**

2. These Regulations shall apply to any person who holds a qualification referred to in subparagraph 12(1)(a)(ii) of the Act.

**Interpretation**

3. In these Regulations, unless the context otherwise requires-

“examining body” means a body approved by the Minister under paragraph 12(1)(aa) of the Act from any higher educational institution;

“higher educational institution” means any faculty or school of medicine of any higher educational institution in Malaysia which is listed in Second Schedule of the Act;

“examination” means any final year examination set by an examining body.

**Application to sit for examination**

4. (1) An application to sit for an examination sets by an examining body shall be submitted to the Council in duplicate of Form 1 of the Schedule together with the fee of two hundred ringgit.

(2) The Council shall make a decision on the eligibility of any candidate to sit for the examination.

(3) If the Council decides that the candidate is eligible to sit for the examination, the candidate shall be assigned to the examining body of his or her choice.

**Candidate subject to rules of examining body**

5. Each candidate shall be subject to any rules of the examining body which sets the examination including the criteria of resitting of any examination and the imposition of any fee.

**Withdrawal from examination**

6. If a candidate withdraws from sitting for the examination or is absent from the examination, the fee paid under regulation 4 shall not be refunded unless the withdrawal or absence is due to medical problems or other reasons acceptable to the Council.

**Communication of result**

7. The Council shall endorse the final result and shall communicate to each candidate the result of the examination as far as it relates to him.

**Issue of certificate**

8. The Council shall issue a certificate in Form 2 of the Schedule to a candidate who passed the examination.


**Revocation**

9. The Medical (Setting of Examination for Provisional Registration) Regulations 1993 [*P.U. (A) 426/1993*] is revoked.

SCHEDULE

FORM 1

MEDICAL ACT 1971



MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION FOR PROVISIONAL REGISTRATION) REGULATIONS 2012

[Subregulation 4(1)]

APPLICATION TO SIT FOR THE EXAMINATION UNDER PARAGRAPH 12(1)(aa) OF THE MEDICAL ACT 1971

To:

.....  
.....  
.....

I wish to sit for the examination under paragraph 12(1)(aa) of the Medical Act 1971 [Act 50].

2. My personal particulars are as follows:

- (a) Name.....
- (b) Identity Card No. ....
- (c) Citizenship status.....
- (d) Address.....  
.....
- (e) (i) Professional qualification (*Please attach the certified true copy of the qualification*).....  
.....
- (ii) Institution or body which granted qualification.....  
.....
- (iii) Date of obtaining qualification .....  
.....

3. The particulars of the examining body of my choice are as follows:

(a) Name of the institution .....

(b) Address .....  
.....

4. Forwarding a cheque/money order/postal order\* for the sum of RM200.00 in payment of the application fee.

5. I certify that the information contained in this application form is accurate and true and that the documents forwarded are copies of original documents that relate to me.

Date .....

.....  
*Signature of applicant*

---

\*Delete whichever is inapplicable

**FORM 2**

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL (SETTING OF EXAMINATION FOR PROVISIONAL REGISTRATION)

REGULATIONS 2012

(Regulation 8)

CERTIFICATE

IT IS HEREBY CERTIFIED that.....  
Identity Card No. ....of ..... holding the  
qualification of.....  
has passed the examination under paragraph 12(1)(aa) of the Medical Act 1971[Act 50]  
on .....

Date: .....

*Registrar,  
Malaysian Medical Council*

Made 31 July 2012  
[KKR-654 (253) Jld. 7;PN(PU2)97/VII]

DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN  
*President,  
Malaysian Medical Council*

Approved 1 August 2012

DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
*Minister of Health*